

Konsortium koperasi bantu laksana projek skala besar

TEMERLOH 24 Mei - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) merancang untuk menubuhkan lebih banyak konsortium bagi memperkasakan lagi gerakan koperasi di negara ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, penubuhan konsortium membolehkan koperasi-koperasi bergabung untuk menjalankan projek berskala besar berbanding bergerak sendirian dengan modal dan kemahiran yang terhad.

“Penubuhan konsortium ini antara lain dapat memperkasakan gerakan koperasi, mengurangkan lapisan dalam pemasaran produk atau peranan orang tengah dan membantu kerajaan dalam memaksimumkan pencapaian matlamat di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

“Kewujudannya juga dapat membantu Angkasa membentuk rantaian di peringkat nasional dan antarabangsa,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan kali kedua Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Pahang Berhad di sini hari ini.

Menurut Abdul Fattah, pada masa ini, Angkasa sudah menubuhkan 10 konsortium koperasi di seluruh negara.

Kata beliau, tiga daripadanya adalah Konsortium Koperasi Tanaman Padi Kedah, Konsortium Koperasi Tanaman Padi Perlis dan Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Pahang Berhad yang sudah menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing.

“Konsortium koperasi lain yang boleh beroperasi termasuklah Konsortium

Koperasi Kariah Masjid, Konsortium Koperasi Hartanah Negara Berhad dan yang melibatkan golongan orang kurang upaya.

“Angkasa memperuntukkan amaun tertentu untuk membantu konsortium-konsortium ini dalam bentuk pinjaman,” ujarnya.

Sementara itu, beliau menasihatkan semua pengusaha ikan dalam sangkar di negeri ini menjadi ahli koperasi dalam usaha menggabungkan mereka di bawah satu bumbung.

“Di negeri ini ada lebih 10,000 sangkar ikan dan pengusahanya perlu disatukan di bawah satu bumbung supaya lebih mudah digerakkan, menjaga kebajikan mereka dan menyelesaikan isu-isu berbangkit,” katanya.